

Kewajipan Membayar Hutang

Berhutang merupakan suatu keperluan dalam sebahagian daripada urusan hidup manusia seperti pembiayaan pembelian rumah, tanah, kenderaan, yuran pengajian dan menjalankan perniagaan serta pelbagai keperluan lain. Islam tidak melarang umatnya untuk berhutang bagi tujuan yang memberikan manfaat dengan syarat hutang tersebut dilaksanakan mengikut syariat, bahkan perbuatan memberikan hutang merupakan perbuatan yang terpuji kerana dapat membantu orang yang berada dalam kesulitan.

Hutang juga merupakan satu daripada bentuk muamalat Islam. Dari segi bahasa, hutang bermaksud tanggungan masa hadapan yang dipertanggungjawabkan ke atas seseorang. Islam telah menggariskan peraturan yang sempurna dalam mengurus hutang sebagaimana firman Allah *Subhanahu wata'ala*:

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْۤا اِذَا تَدٰىنْتُمْ بِدِيْنٍ اِلَىٰ اَجَلٍ مُّسَمًّى فَاَكْتُبُوْهُ وَلْيَكْتُب بَيْنَكُمْ
كَاتِبٌ بِالْعَدْلِ وَلَا يَأْب كَاتِبٌ اَنْ يَّكْتُبَ كَمَا عَلَّمَهُ اللّٰهُ فَلْيَكْتُبْ وَلْيُمْلِلِ الَّذِي
عَلَيْهِ الْحَقُّ وَلْيَتَّقِ اللّٰهَ رَبَّهُ وَلَا يَبْخَسَ مِنْهُ شَيْئًا

Maksudnya: “Wahai orang yang beriman, apabila kamu menjalankan sesuatu urusan hutang piutang yang diberikan tempoh masa yang tertentu, maka hendaklah kamu menulis (hutang dan masa bayarannya) itu. Dan hendaklah salah seorang daripada kamu menulisnya dengan adil (benar). Dan janganlah seseorang jurutulis itu enggan menulisnya sebagaimana yang telah diajarkan oleh Allah kepadanya. Oleh itu, hendaklah ia menulisnya dan hendaklah orang yang berhutang itu merencanakan (isi surat hutang itu dengan jelas) dan bertakwalah kepada Allah serta jangan mengurangkan hutang itu walaupun sedikit...”

(Surah al-Baqarah 2:282)

Terdapat juga beberapa hadis yang menegaskan tentang kewajiban membayar hutang, antaranya Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

مَنْ أَخَذَ أَمْوَالَ النَّاسِ يُرِيدُ أَدَاءَهَا أَدَّى اللَّهُ عَنْهُ، وَمَنْ أَخَذَ يُرِيدُ إِتْلَافَهَا أَتْلَفَهُ اللَّهُ

Maksudnya: “Sesiapa yang mengambil harta manusia (berhutang) dengan niat untuk membayarnya semula, maka Allah Subhanahu wata’ala akan menunaikannya untuknya. Sesiapa yang mengambil harta manusia (berhutang) dengan niat untuk menghabiskannya tanpa membayar balik, maka Allah Subhanahu wata’ala akan membinasakan dirinya.”

(Hadis Riwayat al-Bukhari, no. 2387)

Abu Hurairah *Radhiallahuanhu* pula meriwayatkan bahawa Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

نَفْسُ الْمُؤْمِنِ مُعَلَّقَةٌ بِدَيْنِهِ حَتَّى يُقْضَى عَنْهُ

Maksudnya: “Roh orang yang beriman itu tergantung (ditangguhkan hisab amalannya) disebabkan hutang, sehingga dibayarkan untuknya hutang tersebut.”

(Hadis Riwayat at-Tirmizi, no. 1078)

Islam memandang buruk perbuatan penghutang yang suka menangguh-nangguhkan pembayaran hutang dan menganggapnya sebagai satu kezaliman sedangkan dia berkemampuan untuk melunaskannya. Sebuah hadis daripada Abu Hurairah *Radhiallahuanhu*, Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

مَطْلُ الْعِنِيِّ ظُلْمٌ...
JABATAN MUFTI SARAWAK

Maksudnya: “Menangguh pembayaran hutang bagi orang yang mampu ialah satu kezaliman...”

(Hadis Riwayat al-Bukhari, no. 2287)

Hutang merupakan suatu janji yang telah dimeterai. Oleh itu, menjadi kewajiban orang yang berhutang untuk membayar atau memulangkan semula harta tersebut, dan haram hukumnya sekiranya orang yang berhutang ingkar untuk melunaskannya.

Menjadi tanggungjawab orang yang ingin berhutang untuk memastikan bahawa tujuan berhutang adalah bagi memenuhi sesuatu keperluan, dan bukannya untuk memenuhi selera dan hawa nafsu. Orang yang berhutang juga perlu menetapkan niat dan berikhtiar dengan bersungguh-sungguh untuk segera membayar hutangnya mengikut perjanjian.

Ancaman Untuk Orang Yang Enggan Membayar Hutang

- a. Mati dalam keadaan berhutang, pahala kebajikannya menjadi ganti.

مَنْ مَاتَ وَعَلَيْهِ دِينَارٌ أَوْ دِرْهَمٌ فَضِيَّ مِنْ حَسَنَاتِهِ لَيْسَ تَمَّ دِينَارٌ وَلَا دِرْهَمٌ.

Maksudnya: "Sesiapa yang mati dalam keadaan masih memiliki hutang satu dinar atau satu dirham, maka hutang tersebut akan dilunaskan dengan kebajikannya (di hari kiamat nanti) kerana di sana (di akhirat) tidak ada lagi dinar dan dirham."

(Riwayat Ibnu Majah, no. 2414)

Begitulah keadaan orang yang mati dalam keadaan masih membawa hutang dan belum dilunaskan. Maka, pahala daripada amal kebaikan orang itu akan diambil bagi melunaskan hutang tersebut. Itulah yang akan terjadi ketika hari kiamat kerana di sana tidak ada lagi dinar dan dirham untuk melunaskan hutang tersebut.

- b. Urusan orang yang berhutang akan kekal tergantung

Kewajipan membayar hutang itu tidak akan terlepas sekalipun dengan melaksanakan ibadat-ibadat yang besar pahalanya. Ini berdasarkan hadis Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam*:

نَفْسُ الْمُؤْمِنِ مُعَلَّقَةٌ بِدَيْنِهِ حَتَّى يُقْضَى عَنْهُ

Maksudnya: "Jiwa seorang mukmin tergantung dengan hutangnya sehingga dia melunaskannya."

(Riwayat Riwayat at-Tirmizi no. 1078)

c. Orang yang berniat untuk tidak mahu melunaskan hutang akan dihukum sebagai pencuri

Dari Shuhaib al-Khair, Rasulullah *Sallallahu ‘alaihi wasallam* bersabda:

أَيُّمَا رَجُلٍ تَدَيَّنَ دَيْنًا، وَهُوَ مُجْمِعٌ أَنْ لَا يُؤْفِيَهُ إِلَّاهُ، لَقِيَ اللَّهَ سَارِقًا

Maksudnya: “Siapa saja yang berhutang lalu berniat untuk tidak mahu melunaskannya, maka dia akan bertemu Allah (pada hari kiamat) dalam status sebagai pencuri.”

(Riwayat Ibnu Majah, no. 2410)

Kesimpulannya, kita hendaklah meyakini bahawa orang yang sengaja tidak membayar hutang yang telah dibuatnya akan dituntut dan dipertanggungjawabkan di hadapan Allah *Subhanahu wata’ala* di akhirat kelak. Oleh itu, hendaklah difahami bahawa berhutang adalah satu bentuk muamalat dalam Islam yang mempunyai syarat-syarat yang wajib dipatuhi bagi mengelak berlakunya tuntutan di akhirat nanti. Sehubungan dengan itu, sebagai orang Islam kita hendaklah memahami dan menyedari bahawa amalan suka berhutang tanpa sebab yang kukuh akan menjerumuskan pelakunya ke dalam kebinasaan.

جَابِرُ مِفْتَاحِ سَرَاوَقِ
JABATAN MUFTI SARAWAK